

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VIII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

13. Bas Percuma CAT Alma.

- (a) Senaraikan jumlah penggunaan bas percuma CAT Alma mengikut bulanan serta kos operasi yang dibayar kepada Rapid Penang.
- (b) Sila beri ulasan tentang cadangan untuk mengguna pakai bas mini bagi menambah bilangan bas mini serta frequency bagi menggalakkan orang ramai guna pengangkutan awam.
- (c) Kenapa tidak guna bas mini?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

13. (a) Sebanyak 4 buah bas percuma *Congestion Alleviation Transport* (CAT) digunakan bagi laluan Alma. Bilangan penumpang bagi laluan ini sejak mula beroperasi pada 22 Julai 2018 sehingga Mac 2020 adalah 89,225 orang. Perincian penggunaan penumpang mengikut bulan dan kos operasi adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Cadangan penggunaan bas mini merupakan satu cadangan yang baik terutama di kawasan perumahan dan perkampungan yang kurang penumpang dan mempunyai jalan yang sempit. Infrastruktur yang menyokong sistem pengangkutan awam juga perlu dinaiktaraf agar pengangkutan awam menjadi mod pengangkutan pilihan utama pengguna. Ini dapat menarik pengguna untuk

menggunakan pengangkutan awam untuk ke destinasi masing-masing.

- (c) Pihak Prasarana sedang meneliti cadangan penggunaan bas mini di Pulau Pinang. Pada masa kini, percubaan bas mini sedang dijalankan di kawasan Lembah Klang, Kuala Lumpur. Kerajaan Negeri telah memohon kepada pihak Rapid Penang agar penggunaan bas mini di Pulau Pinang dikaji dan diberi keutamaan.

LAMPIRAN A**JUMLAH PENUMPANG DAN KOS OPERASI BAGI LALUAN PERKHIDMATAN
BAS PERCUMA CONGESTION ALLEVIATION TRANSPORT (CAT) ALMA
JULAI 2018 HINGGA MAC 2020**

TAHUN	BULAN	JUMLAH PENUMPANG	KOS OPERASI (RM)
2018	JULAI	1029	32,000.00
	OGOS	3858	99,200.00
	SEPTEMBER	3403	96,000.00
	OKTOBER	3736	99,200.00
	NOVEMBER	3693	96,000.00
	DISEMBER	4166	99,200.00
2019	JANUARI	4327	99,200.00
	FEBRUARI	3912	89,600.00
	MAC	4531	99,200.00
	APRIL	4402	96,000.00
	MEI	4626	99,200.00
	JUN	4479	96,000.00
	JULAI	4831	99,200.00
	OGOS	4907	99,200.00
	SEPTEMBER	4170	96,000.00
	OKTOBER	4558	99,200.00
	NOVEMBER	4838	96,000.00
	DISEMBER	5119	99,200.00
	2020	JANUARI	5672
FEBRUARI		5542	92,800.00
MAC		3426	86,400.00
JUMLAH		89225	1,968,000.00